

18 MAR 2002

JERMAN-MOU

TIGA MOU, PERJANJIAN DITANDATANGANI PADA FORUM PERNIAGAAN M'SIA-JERMAN

Oleh: Muin Abdul Majid

MUNICH, 18 Mac (Bernama) -- Tiga memorandum persefahaman (MoU) dan satu perjanjian telah ditandatangani antara syarikat-syarikat Malaysia dan rakan perniagaan mereka di Jerman pada Forum Perniagaan Malaysia-Jerman pada hari Isnin, di sini.

Upacara menandatangani MoU dan perjanjian itu telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga menyampaikan ucap tama pada forum tersebut, iaitu acara pertama dalam jadual Perdana Menteri yang memulakan lawatan rasminya ke Jerman hari ini.

MoU pertama ditandatangani antara Medical Online Sdn Bhd (MOL) dan Siemens Malaysia Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Siemens AG, untuk bekerjasama dalam penyediaan perkhidmatan "telecedera" yang berkesan bagi projek aplikasi utama telekesihatan Koridor Raya Multimedia (MSC) menerusi pusat arahan dan kawalan yang cekap.

Walaupun perkhidmatan pusat panggilan asas telahpun sedia ada sebagai sebahagian daripada perkhidmatan telekesihatan Malaysia yang dilaksanakan oleh MOL, namun kerjasama dengan Siemens ini akan mempermudah orang ramai mendapat akses kepada sistem penjagaan trauma di negara ini. MoU tersebut ditandatangani oleh presiden dan ketua pegawai eksekutif MOL, Dr Mohamed Hishamuddin Harun dan presiden/ketua pegawai eksekutif Siemens Malaysia, Rainer Althoff.

Perkhidmatan telecedera bermula dengan akses orang perseorangan kepada maklumat mengenai cara mengelak dan menguruskan kecederaan di rumah, diikuti oleh akses orang perseorangan kepada perkhidmatan perubatan kecemasan jika beliau mendapat kemalangan, disertai dengan pemulihan dan penyepaduan semula kepada komuniti.

Dr Hishammuddin berkata: "MoU dengan Siemens ini, bagi memperolehi teknologi dan kepakaran dalam perkhidmatan penyepaduan, akan membantu kita menangani masalah serius kecederaan dan trauma di Malaysia secara lebih berkesan."

Katanya, di Malaysia, kecederaan dan trauma menyebabkan kematian anggaran 6,000 individu setiap tahun, dan hampir dua pertiga daripada kematian ini melibatkan orang berusia di antara 12 dan 40 tahun.

MOL merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan khusus pada tahun 1999 untuk melaksanakan aplikasi telekesihatan MSC.

Perjanjian yang ditandatangani antara Raslan Loong dan Reeg Rechtsanwalte merasmikan kerjasama antara kedua-dua firma guaman itu, bertujuan mengadakan sokongan guaman dan profesional merentasi sempadan serta menyelaraskan usaha pemasaran bersama.

Ia akan membantu mempertingkatkan perdagangan antara Malaysia dan Jerman dengan menyediakan saluran-saluran baru bagi penyebaran maklumat mengenai pelaburan.

Dokumen itu telah ditandatangani oleh Caesar Loong, ketua rakan kongsi eksekutif Raslan Loong, dan Axel Reeg, ketua rakan kongsi eksekutif Reeg Rechtsanwalte. Di bawah perjanjian ini, syarikat-syarikat Jerman yang ingin mendapatkan nasihat mengenai perundangan boleh berurusan dengan pejabat-pejabat Raslan Loong di Jerman manakala syarikat-syarikat Malaysia pula boleh mendapatkan nasihat yang serupa mengenai undang-undang Jerman melalui Raslan Loong di Kuala Lumpur.

Dengan cara ini, urusan niaga merentasi sempadan antara kedua-dua negara boleh dijalankan pada satu tempat tanpa memerlukan pelanggan berurusan dengan firma-firma guaman yang lain.

MoU kedua adalah antara KL Al-Dhuha Sdn Bhd dan FEV Motorentechnik GmbH, yang melibatkan usaha sama bagi pengembangan dan pemasaran enjin pembakaran dalaman bagi rantau Asia Pasifik.

KL Al-Dhuha telah diwakili oleh pengerusinya, Tan Sri Dr Abu Bakar, manakala Dr Ernst Scheid, naib presiden eksekutif FEV Motorentechnik, menandatangani bagi pihak syarikatnya.

KL Al-Dhuha juga menandatangani satu lagi MoU dengan Babcock Borsig Power Turbine Services BV bagi membentuk perikatan strategik untuk mendirikan sebuah kilang perkhidmatan jentera turbo serba lengkap di Malaysia.

Bagi MoU ini, KL Al-Dhuha telah diwakili oleh pengarah urusannya, Baharin Ayob, manakala pengarah urusan Babcock Borsig, Andreas Poppinghaus, menandatangani bagi pihak syarikatnya. -- BERNAMA

MAM MFJ SHY KY JR